

03/11/1998

Suruhanjaya diberi masa hingga April

KUALA LUMPUR, Isnin - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia diberi tempoh enam bulan sehingga 1 April tahun depan untuk memulakan operasi sepenuhnya, kata Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Chan Kong Choy.

Beliau berkata, dalam tempoh berkenaan suruhanjaya itu perlu menyusun organisasi serta menyediakan peraturan dan undang-undang kecil untuk melancarkan pentadbirannya.

"Kita memberi masa secukupnya selama enam bulan untuk membolehkan penubuhan, penyusunan dan penggubalan peraturan baru.

"Suruhanjaya itu juga diberi tempoh enam bulan untuk melantik pegawai dan kakitangan berkaitan dan sudah tentu banyak perkara perlu diselesaikan," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Lobi Parlimen di sini, hari ini.

Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia ditubuhkan mulai semalam berikutan berkuatkuasanya Akta Komunikasi dan Multimedia 1997 dengan Menteriannya Datuk Leo Moggie. Sebelum ini, kementerian itu dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Chan berkata, kementeriannya akan bekerjasama dengan Kementerian Penerangan dalam beberapa isu tertentu membabitkan bidang kuasa bersama.

"Dengan perubahan itu, kementerian akan mempunyai bidang tugas yang lebih besar merangkumi aspek pelesenan komunikasi dan penyiaran, multimedia, komunikasi, perkomputeran dan tenaga," katanya.

Beliau berkata, dengan berkuatkuasa akta baru sepenuhnya pada 1 April tahun depan, dua akta lama iaitu Akta Telekomunikasi 1950 dan Akta Penyiaran 1981 akan dimansuhkan.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pernah menyatakan dengan jelas bidang kuasa antara Kementerian Penerangan dan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Oleh itu, ia tidak sepatutnya menimbulkan kekeliruan," katanya.

Chan berkata, kerajaan masih mengkaji Akta Pos bagi membolehkan Jabatan Pos beroperasi di bawah satu suruhanjaya yang akan bertanggungjawab kepada kementerian itu.

(END)